



TEKS UCAPAN

UCAPAN SEMBAH MENJUNJUNG KASIH
DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU RAJA MUDA KEDAH
OLEH

YBHG. DATO' TS. DR. HAJI AMINUDDIN BIN HASSIM
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMPENA

PROGRAM PROMOSI BERSASAR (*TECHNOLOGY PREVIEW & SHOWCASE –
TPS*) SIRI 2.0 ZON UTARA DAN PELANCARAN GALERI PADI NUKLEAR

DISEMPURNAKAN OLEH

DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU RAJA MUDA KEDAH
TENGKU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI AL-AMINUL KARIM
SULTAN SALLEHUDDIN

ANJURAN BERSAMA
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA DAN LEMBAGA MUZIUM NEGERI KEDAH

PADA 13 JUN 2024

BERTEMPAT DI

MUZIUM PADI, ALOR SETAR, KEDAH

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam Malaysia Madani.

Mengadap

**DULI YANG TERAMAT MULIA TENGGU SARAFUDIN BADLISHAH
IBNI AL-AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN, TUANKU RAJA
MUDA KEDAH**

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun.

1. Patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah sudi berangkat bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar (*Technology Preview & Showcase*, TPS) Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear di Negeri Kedah Darul Aman, anjuran Agensi Nuklear Malaysia bersama Lembaga Muzium Negeri Kedah pada pagi yang mulia ini.

2. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku ke majlis ini adalah amat bermakna dan melambangkan keprihatinan seorang **Raja yang berjiwa rakyat** yang menyokong berterusan kemajuan sains dan teknologi di negeri kita.

AMPUN TUANKU,

3. Patik dengan penuh hormat dan takzimnya memohon perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk patik mengalu-alukan kehadiran tetamu yang hadir dan seterusnya untuk patik menyampaikan sepatah dua kata kepada para hadirin yang turut hadir dalam majlis ini.

Yang Berhormat

Tuan Haji Dzowahir bin Ab Ghani

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri wakil kepada

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman

Yang Berbahagia

Dato' Haji Mohd. Fauzi bin Mustaffa

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

**Wakil Kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri
Kedah**

Yang Berusaha

Dr. Rosli bin Darmawan

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

Yang Berusaha

Tuan Haji Hakim Ariff b. Md. Noor

Pegawai Daerah Kota Setar

Encik Suhaidi bin Shukri

Pengarah Lembaga Muzium Kedah

Ketua-ketua Jabatan/Agensi, Rakan-Rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

4. Pada pagi yang mulia ini patik memanjatkan rasa kesyukuran kerana kita semua dapat berkumpul bersama dalam Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar (*Technology Preview & Showcase, TPS*) Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear. Satu acara yang mencerminkan perpaduan, semangat inovasi dan kerjasama strategik pelbagai kementerian dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri, selari dengan konsep “*The Whole of Government Approach (WGA)*” dalam menangani isu-isu rakyat melalui pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Ampun Tuanku,

5. Program TPS ini mempunyai sejarahnya tersendiri. Ia bermula dari tahun 2007, dinamakan sebagai Hari Nuklear Malaysia Bersama Pelanggan. Kemudian ia telah diubahsuai pada 2015 sebagai Program Technology Preview & Showcase, TPS. Nama baharu yang mencerminkan program yang lebih luas dan menarik bersesuaian dengan era perubahan teknologi baharu selaras dengan visi MOSTI iaitu ke arah Negara Berteknologi Tinggi Melalui Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE).
6. Pada tahun ini, Program TPS telah diadakan di Johor Bahru bagi zon selatan termasuk negara jiran iaitu Singapura. Seterusnya, TPS Siri 2/2024 melebarkan sayapnya dengan penganjuran di zon utara. Pihak kami berbesar hati kerana hasrat ini telah disambut baik oleh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

7. Objektif TPS adalah untuk memperkenalkan perkhidmatan yang disediakan oleh Agensi Nuklear Malaysia dan mempamerkan produk-produk R, D, C & I (Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersilan dan Inovasi) yang telah dihasilkan oleh penyelidik dan inventor Agensi Nuklear Malaysia dalam teknologi nuklear dan bidang berkaitan nuklear. Program ini adalah salah satu platform memperkenalkan teknologi terkini kepada pemegang taruh serta orang awam.
8. Mengambil peluang dengan melihat kepada Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang memfokuskan kepada tema “Ekonomi, Rakyat dan Alam”, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selaku peneraju sains, teknologi dan inovasi dalam negara melihat program pada hari ini, selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Kedah 2035.
9. Di kesempatan ini patik juga ingin menzahirkan penghargaan kepada Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia dan Pengarah Lembaga Muzium Negeri Kedah di atas usaha dan kerjasama dalam pelaksanaan majlis ini. Inisiatif ini juga secara tidak langsung melibatkan peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam memperkasakan bidang berkaitan sains, teknologi dan inovasi merentas negeri.
10. Dalam konteks ini, MOSTI bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah dalam merealisasikan matlamat pelan pembangunan tersebut agar perancangan pembangunan negeri

tidak hanya relevan kepada keperluan semasa tetapi juga berdaya maju dan bersepadu dengan langkah-langkah inovatif yang diusahakan.

11. Patik percaya bahawa kolaborasi antara Kerajaan Negeri dan MOSTI adalah penting dalam menangani isu-isu rakyat melalui STI dan memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif-inisiatif pembangunan yang telah ditetapkan. Ini termasuk penggunaan teknologi dan inovasi sebagai penggerak kepada pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat, serta memelihara kelestarian alam sekitar.

AMPUN TUANKU,

12. Pada tahun ini, MOSTI memberikan fokus pada beberapa bidang keutamaan, termasuk pembangunan teknologi hidrogen, pengembangan bakat AI, pembangunan sektor bioteknologi, pemupukan ekosistem perniagaan baru melalui inisiatif tetingkap tunggal (*single window initiative*) dan penerokaan teknologi angkasa lepas.
13. Dalam bidang berkaitan bioteknologi, khususnya dalam teknologi makanan dan perubatan jitu, MOSTI berazam dalam memenuhi permintaan keterjaminan makanan negara melalui penyelidikan dan pembangunan teknologi tempatan. Dalam majlis yang mulia ini, patik berasa bangga untuk mengangkat sumbangan penting Agensi Nuklear Malaysia sebagai salah satu institusi penyelidikan dan pembangunan MOSTI dalam teknologi nuklear, yang terus

menerus mendorong usaha inovasi dan pengkomersialan yang memberikan faedah yang luas kepada negara kita.

14. Dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan universiti-universiti terkemuka negara iaitu UPM, UKM dan UiTM, MOSTI dan Agensi Nuklear Malaysia terlibat secara aktif dalam kajian pembangunan varieti padi baharu MOSTI yang tahan kepada perubahan cuaca yang tidak menentu. Melalui projek Dana Penyelidikan Strategik (SRF) MOSTI, dua lagi varieti padi baharu negara disasarkan bakal dihasilkan pada penghujung tahun 2026 dengan menggunakan titisan padi termaju. Usaha ini tidak hanya meningkatkan nisbah kecukupan sendiri Malaysia (*self-sufficiency ratio*, SSR) tetapi juga secara signifikan meningkatkan taraf kehidupan pesawah, selaras dengan dasar sekuriti makanan negara.
15. Dalam pada itu juga, Agensi Nuklear Malaysia terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi termaju yang merangkumi pelbagai aplikasi, termasuk teknologi perubatan, perindustrian, pertanian dan alam sekitar. Usaha Nuklear Malaysia dalam membangunkan penyelidikan dalam teknologi nuklear dan teknologi yang berkaitan secara selamat dan cekap dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada teknologi luar dan menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.
16. MOSTI turut berbesar hati di atas perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah bagi melancarkan Galeri Padi Nuklear dalam majlis yang berbahagia ini. Ia sungguh bermakna

sekali buat kami. Semoga pelancaran ini dapat mengembangkan maklumat tentang kelestarian teknologi nuklear secara aman kepada masyarakat.

17. Patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda berangkat bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Program Promosi Bersasar (Technology Preview & Showcase, TPS) Siri 2 dan Pelancaran Galeri Padi Nuklear pagi ini. Patik turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini. Sekiranya terdapat kekurangan dalam penganjuran majlis atau terdapat apa jua kesilapan tutur bicara patik, patik memohon ampun kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku.

Ampun Tuanku,

18. Sekianlah sahaja persembahan ucapan patik. Selanjutnya patik berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala, moga-moga Duli Yang Teramat Mulia Tuanku sentiasa dalam sihat walafiat lagi dianugerahi aman sentosa. Patik sudahi dengan serangkap pantun:

Pergi Alor Setar membawa harapan,
Muzium Padi jadi pilihan,
Keunikan ciptaan jadi sebutan,
Agenda pembangunan lestari akan diteruskan.

Menjunjung kasih Tuanku.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.